



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
DISEASE CONTROL DIVISION
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA
ARAS 3,4 DAN 6, BLOK E10, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590, PUTRAJAYA

Tel : 03-88834527
Faks : 03-88886270

Ruj Tuan
Ruj. Kami
Tarikh

: KKM. 100-2/2/3 JLD. 3 (II)
: 12 Mac 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

DATO' DR. CHONG CHEE KHEONG
(MPM 26477)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 9/2021 (28 Februari hingga 6 Mac 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)

Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia




KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 09/2021 dari 28 Februari hingga 6 Mac 2021)

Pada minggu ke-09, jumlah mingguan kes Demam Denggi yang dilaporkan menurun sebanyak 51 kes (8.7%) dengan 533 kes berbanding 584 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-09. Kumulatif kes Demam Denggi tahun 2021 sehingga kini adalah sebanyak 5,571 kes berbanding 26,335 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 78.8% (20,764 kes), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak tiga (3) kematian berbanding 41 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 38 kematian (92.7%) (**Lampiran A & C**). Terdapat peningkatan dari jumlah lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ke-09, iaitu lima (5) lokaliti berbanding tiga (3) lokaliti pada minggu sebelumnya. Sebanyak empat (4) lokaliti hotspot (80%) berada di Negeri Selangor manakala satu (1) lokaliti hotspot (20%) berada di WPKL & Putrajaya. (**Lampiran B & D**).

Sistem Surveilan Chikungunya merekodkan sebanyak 15 kes baru pada minggu ke-09, yang mana tujuh (7) kes adalah dari WPKL & Putrajaya, lima (5) kes dari Perak, dua (2) kes dari Johor dan satu (1) kes Kedah. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 215 (**Lampiran E**). Bagi surveilan Zika, sebanyak 229 sampel darah dan lima (5) sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.

Nyamuk Aedes boleh terbang sejauh 200 meter dari tempat ia menggigit. Oleh yang demikian, jika terdapat kes Demam Denggi dilaporkan di sesebuah kawasan, maka setiap lapisan masyarakat, terutama yang tinggal di lingkungan 200 meter dari satu kes yang dilaporkan atau berada di dalam kawasan wabak Denggi perlu meningkatkan aktiviti cari dan musnah agar tiada tempat pembiakan berpotensi Aedes sehingga rantaian jangkitan Demam Denggi dapat diputuskan. Pesakit yang disahkan menghidap Demam Denggi perlu melakukan tindakan pencegahan supaya tidak digigit nyamuk Aedes agar virus denggi tidak dipindahkan kepada individu lain melalui gigitan nyamuk seterusnya. Ini dapat dilakukan dengan memakai repelan pada bahagian badan yang terdedah atau memakai baju berlengan panjang serta berseluar panjang. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**



TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH


Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

17 Mac 2021

Lampiran A




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 08 dan ke- 09 tahun 2021




Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 09 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020

Lampiran B



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-09 tahun 2021

Lampiran C

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 09/2021
(28 Februari hingga 6 Mac 2021)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 09/2021		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 09/2020	
		Minggu Epid 09 (28 Februari – 6 Mac 2021)		Minggu Epid 08 (21 Februari – 27 Februari 2021)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	0	0	0	0	2	0	14	0
2	Kedah	7	0	6	0	57	0	205	0
3	P. Pinang	8	0	7	0	98	0	238	1
4	Perak	10	0	11	0	127	0	805	1
5	Selangor	290	0	356	0	3,099	0	16,212	14
6	WP KL & Putrajaya	59	0	65	0	620	0	2,005	3
7	N. Sembilan	12	0	10	0	159	1	424	0
8	Melaka	20	0	21	0	217	0	452	3
9	Johor	43	0	55	0	565	1	2,014	6
10	Pahang	12	0	6	0	133	1	641	2
11	Terengganu	3	0	2	0	15	0	82	0
12	Kelantan	7	0	7	0	63	0	1,109	2
13	Sarawak	10	0	5	0	91	0	637	1
14	Sabah	51	0	32	0	323	0	1,494	8
15	WP Labuan	1	0	1	0	2	0	3	0
	MALAYSIA	533	0	584	0	5,571	3	26,335	41

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 09/2021
(28 Februari hingga 6 Mac 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Petaling	E5. Sek U10 (Alam Budiman : Jln U10/68 - U10/77b)	32	57
2	SELANGOR	H/Langat	Jln Tkp 10-20 Tmn Kantan Permai	14	55
3	SELANGOR	H/Langat	Seksyen 4 Bandar Rinching	6	37
4	SELANGOR	H/Langat	Jln Balakong Jaya 23-24 Tmn Balakong Jaya	5	36
5	WPKL	Titiwangsa	Ppr Laksamana (A/B/C)	10	35

Lampiran E

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 09/2021 (6 Mac 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1	Johor	Kluang Muar Tangkak	1 1 9	11
2	Kedah	Baling Kota Setar Kuala Muda Kulim Sik	1 1 31 18 3	54
3	Kelantan	Gua Musang Kuala Krai Tanah Merah	1 2 1	4
4	Melaka	Alor Gajah Melaka Tengah	1 9	10
5	Perak	Kinta Kuala Kangsar Larut, Matang & Selama Manjung	1 16 7 28	52
6	Pulau Pinang	Barat Daya Seberang Perai Utara	2 5	7
7	Selangor	Gombak Hulu Langat Klang	2 2 14	18
8	WP Kuala Lumpur	Kepong Lembah Pantai	56 3	59
JUMLAH			215	

